

Waspada kera liar di Teluk Chempedak

Harian metro 8/3/2017

Kuantan: Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menasihatkan orang ramai yang mengunjungi Pantai Teluk Chempedak, supaya berhati-hati berikutan kejadian seorang pelancong diserang sekumpulan kera liar yang dipercayai kelaparan kelmarin.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Saffian berkata, pihaknya juga kesal dan simpati terhadap kejadian yang menimpa pelancong Korea Selatan itu.

Bagaimanapun katanya, pihak berkuasa tempatan tidak ada kuasa untuk menangkap haiwan liar itu kerana ia dalam bidang tugas Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

“Bagaimanapun kita sudah

mengambil tindakan sewajarnya dan sedia membantu PERHILITAN jika jabatan itu memerlukan bantuan MPK.

“Ia bagi memastikan keselamatan pengunjung dan mengelak menjadi mangsa serangan haiwan liar itu terutama mereka yang

ingin ke pantai Teluk Tongkang,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Pyoeng Seok, 69, berasal dari Korea Selatan mengalami kecederaan di kepala selepas dipercayai terjatuh di atas batu di pantai berkenaan pada jam 11 pagi.

Difahamkan, sebelum kejadian mangsa tiba di pusat peranginan itu seorang diri dan berjalan ke Teluk Tongkang tanpa menyedari kehadiran sekumpulan kera liar di belakangnya.

FAKTA

Seorang pelancong diserang sekumpulan kera liar yang dipercayai kelaparan kelmarin